



Tarikh: \_\_\_\_\_

**PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)****MOTOR  
POLISI INSURANS****Apakah produk ini?**

Polisi ini menawarkan jenis perlindungan Komprehensif dan Perlindungan Pihak Ketiga. Jenis perlindungan yang ditawarkan adalah seperti dibawah mengikut jenis perlindungan.

**Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:-

Perindungan	Jenis	Perlindungan Komprehensif	Pihak Ketiga
Liabiliti kepada pihak ketiga untuk; • Kecederaan • Kematian • Kerugian/Kerosakan harta benda		√	√
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian		√	X
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan		√	X
Liabiliti kepada pemandu & penumpang kenderaan sendiri (harta benda, kecederaan tubuh badan, kematian)		X	X

**Anda boleh membayar premium tambahan untuk melindungi pengecualian tertentu dibawah:**

- Pemecahan kaca depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung
- Liabiliti penumpang
- Kerosakan yang timbul akibat banjir dan tanah runtuh
- Pengondorsan aksesori tambahan

**Nota:**

- Pampasan "diskaun tanpa tuntutan" semasa (diguna pakai hanya untuk polisi komprehensif kereta persendirian)
- Adalah menjadi satu kesalahan undang-undang Negara Singapura sekiranya anda memasuki negara tersebut tanpa menambahkan perlindungan liabiliti kepada penumpang ke dalam insurans motor anda.  
Jangka tempoh perlindungan adalah setahun. Anda dikehendaki memperbaharui tempoh perlindungan.

**Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderitan syarikat insurans.

Perlindungan normal RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM \_\_\_\_\_

Kelayakan NCD: \_\_\_\_\_%

Perlindungan tambahan: RM \_\_\_\_\_

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah: RM \_\_\_\_\_

**HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK**

(Sila baca Helaian Pemberitahuan Produk sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama am)

**Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?**

JENIS	AMAUN
Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST)	6% dari premium
Duti Setem	RM10 bagi setiap polisi
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (Jika ada)	10% daripada premium

**Bagaimanakah cara pembayaran?**

Pembayaran Premium hendaklah dibuat sebelum perlindungan insurans diberikan.

Pembayaran boleh dibuat secara tunai, kredit kad atau cek berpaling (cek hanya boleh dibayar atas nama PROGRESSIVE INSURANCE BHD sahaja). Sila minta resit pembayaran untuk semakan. Sila hubungi pihak insurans sekiranya anda tidak menerima polisi selepas sebulan pembayaran telah dibuat.

**Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?****Keperntingan anda**

Anda seharusnya melindungi kepentingan anda sebaik sahaja membeli kenderaan anda.

**Keperntingan Pendedahan****Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**Nilai Diinsuranskan/Jumlah Diinsuranskan**

Anda harus memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada amaun yang secukupnya.

<u>Kenderaan baru</u>	<u>Kenderaan lain</u>
Jumlah = harga belian	Jumlah = nilai pasaran kenderaan
diinsuranskan	diinsuranskan semasa polisi dibeli.

Menentukan nilai pasaran kenderaan anda adalah penting untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.

**Terkurang Insurans** Jika nilai diinsuranskan rendah daripada nilai pasaran, anda dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan tersebut. Jika berlaku kerugian, anda akan dibayar hanya sebahagian daripada ganti rugi.

**Terlebih Insurans** Jika nilai diinsuranskan tinggi daripada nilai pasaran, pembayaran ganti rugi maksimum adalah nilai pasaran kenderaan tersebut. Anda tidak boleh mendapat keuntungan daripada tuntutan insurans (prinsip indemniti).

## Nilai Pasaran Kenderaan

Nilai pasaran kenderaan anda akan diperolehi dari ISM – Automobile Business Intelligent Sistem (ISM – ABI sistem). Walaubagaimanapun, jika nilai pasaran kenderaan anda tidak diperolehi daripada ABI sistem, kami akan menyediakan nilai diinsuranskan bagi tahun-tahun lalu untuk kenderaan pada notis tamat tempoh, dan nilai diinsuranskan yang tertera adalah berdasarkan nilai diinsuranskan bagi tahun-tahun lalu, oleh itu nilai pasaran kenderaan semasa berkemungkinan akan susut nilai.

Jumlah diinsuranskan yang dicetak di notis pembaharuan mungkin boleh berubah pada tarikh permulaan insurans disebabkan notis pembaharuan dicetak lebih awal dan pihak yang diinsuranskan hendaklah mengesahkan semula jumlah sebenar yang diinsuranskan apabila memperbaharui polisi insurans.

## Diskaun-Tanpa-Tuntutan (NCD)

Premium yang perlu dibayar boleh dikurangkan oleh kelayakan NCD anda. NCD akan diberikan sekiranya tiada tuntutan dibuat terhadap polisi anda dalam tempoh 12 bulan sebelum itu. Kelayakan NCD bergantung kepada kelas kenderaan anda dan bilangan tahun pengalaman memandu yang berterusan dengan tanpa tuntutan. Anda akan kehilangan keseluruhan kelayakan NCD anda apabila tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga dibuat terhadap polisi anda.

## Ekses

Ia adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala syarikat Insurans akan membayar baki tuntutan kerosakan kenderaan anda. Jika polisi anda mempunyai ekses, anda perlu membayar jumlah ekses terus kepada bengkel pembaik kenderaan.

## Tatacara Tuntutan

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis atau panggilan telefon dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan di dalam polisi anda. Setiap kemalangan mestilah dilaporkan kepada pihak Polis seperti dikehendaki oleh undang-undang.

## Betterment

Jumlah maksimum yang akan kami bayar bagi kos pembaikan terhadap Kenderaan Anda adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Anda kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang se hampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan. Anda akan menanggung bahagian "betterment" atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:-

Umur Kenderaan / Tahun	Kadar untuk 'Betterment' (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:-  
Umur kenderaan berdasarkan pada:-  
Kenderaan Baru ..... Tarikh Pendaftaran  
Kenderaan tempatan terpakai / telah digunakan ..... Tarikh Pendaftaran Asal  
Kenderaan Import terpakai / telah digunakan ..... Tahun Buat  
Kenderaan Import "reconditioned" ..... Tahun Buat

Pengenaan "betterment" adalah atas budi bicara Kami. Skala "betterment" merupakan kadar maksimum "betterment" yang boleh diguna pakai.

## Pemberitahu Penting

Jika anda menjual kenderaan bermotor anda, Pemberitahu ini adalah penting dan mesti dipatuhi. Dengan ini, pemegang-pemegang polisi insurans diberi amaran bahawa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah salah disisi undang-undang bagi sesiapa pun yang menggunakan atau membenarkan lain-lain orang menggunakan kenderaan bermotor tanpa mempunyai Polisi Sijil Insurans yang sah. Pemegang-pemegang yang diberi amaran juga bahawa apabila seseorang kenderaan bermotor dijual, mereka mesti serahkan Sijil Insurans dan Polisi kepada Syarikat Insurans. Jikalau Sijil Insurans itu telah hilang atau musnah, satu Surat Perakuan mengenai hal ini hendaklah dibuat. Kegagalan mematuhi kewajipan ini adalah satu kesalahan disisi undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Polisi ini tidak sah lagi sebaik sahaja Kenderaan Bermotor telah dijual kepada orang lain, melainkan pertukaran hakmilik telah diberitahu Kepada Syarikat Insurans yang berkenaan dan telah pun dipersetujui olehnya. Jikalau Syarikat Insurans itu bersetuju melindungi pemilik baru, ia akan membuat pengesahan diatas Polisi itu dan akan membuat pengesahan diatas Polisi itu dan akan mengeluarkan Sijil Insurans yang baru atas nama pemilik baru.

## Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

### Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kemalangan atau kecederaan badan pada diri anda yang disebabkan oleh kemalangan motor
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul akibat kejadian semula jadi seperti banjir, guruh atau tanah runtuh.
- Kecurian aksesori kenderaan yang bukan dipasang di kilang melainkan sekiranya diisytiharkan.
- Kerugian lanjutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik atau pemecahan.

**Nota:** Senarai ini bukannya senarai lengkap. Sila rujuk sample kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada dua belas (12) bulan atau pada kadar tempoh singkat jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada dua belas (12) bulan dengan Syarikat yang sama. Mana-mana premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang Tempoh Insurans semasa.

## Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk maklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi insurans ini, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans yang boleh didapati disemua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara anda atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

## Bagaimana kemukakan aduan dan tebus rugi yang ada?

Jika anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan kami atau anda tidak puas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis atau menelefon Unit Aduan kami untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sekiranya anda masih tidak puas hati dengan keputusan kami, anda boleh juga tujukan aduan anda kepada sama ada:-

**Pengarah**  
Laman Informasi Nashat dan  
Khidmat (LINK)  
Tingkat Bawah, Blok C  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax: 03-2174-1515

**Ombudsman Perkhidmatan  
Kewangan**  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Fax: 03-2272 1577

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Motor atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami.

## PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

HEAD OFFICE : 6<sup>th</sup>, 9<sup>th</sup> & 10<sup>th</sup> Floor, Menara Cosway, Plaza Berjaya, No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur. P.O. Box 10028, 50700 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2118 8000 Fax: 03-2118 8098 Website: [www.progressiveinsurance.com.my](http://www.progressiveinsurance.com.my)

KOTA KINABALU : Ground & 7<sup>th</sup> Floor, Wisma Perkasa, Jalan Gaya, P.O. Box 13936, 88845 Kota Kinabalu, Sabah. Tel: 088-244 216 Fax: 088-218 004  
KUCHING : Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967, First Floor, Premier 101, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, P.O. Box 2749, 93754 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-572 019, 572 030 & 572 031 Fax: 082-572 013

SANDAKAN : 1<sup>st</sup> Floor, Lot 1, Block 3, Bandar Indah, Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah. Tel: 089-238 810 Fax: 089-237 709

JOHOR BAHRU : No. 17-01, Jalan Kebun Teh 1, Pusat Perdagangan Kebun Teh, 80250 Johor Bahru, Johor. Tel: 07-227 0991, 227 0992 Fax: 07-227 0996

BUTTERWORTH : 2755, Ground & 1<sup>st</sup> Floor, Jalan Chain Ferry, Taman Inderawasih, 13600 Prai, Seberang Prai Tengah, Penang. Tel: 04-397 7128 Fax: 04-397 7126

MELAKA : 13-A, Jalan Melaka Raya 24, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. Tel: 06-288 3831 Fax: 06-288 3832

### NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSEKUTUAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJAJAKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT OLEH ANDA. SEMASA BERLAKUNYA KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSAN DENGAN BENGKEL MEMBAKI YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN BERLAKUNYA KEMALANGAN ITU BUKAN DISEBABKAN OLEH KESALAHAN ANDA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENGHANTAR TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 31.12.2023